

IMPIANIA

Inspirasi Fantastik MAS RUANG SEMPIT



80++ Pilihan Tip Top
Aksesori Kediaman Kecil & Comel



Spot
adiyah
tif & Bijak




Idea Laman
Edible Garden:
Mulakan sekarang!



Sajian
Open House
Perlu Ada Taste



Fokus
Perpustakaan Mini
Tersisih?



Inspirasi Dekor
Keterujaan
Transformasi Sampan

Jualan Raya
Beli Lukisan Asli
25% Diskaun
www.galleriaimpiana.com

Dekor Hotel

Umpama membelek helaian muka surat buku sejarah, kehebatan seni bina era penjajah dahulu sememangnya tidak dapat disangkal. Kekuatan struktur dan keindahan seni binanya yang hebat dengan perincian di merata sudut memberikan satu kenangan terindah; buat kita generasi hari ini. Malah setiap kediaman agam yang masih lagi hebat berdiri megah, umpama menyimpan pelbagai kisah suka dan duka di zaman lampau. Bagi yang peka terhadap sejarah, tahu menghargai seni dan bijak menganalisa ragam struktur lama, Hotel 23LoveLane ini umpama mesin masa yang membawa kita kembali ke zaman kegemilangan era Kolonial di Pulau Pinang.

Penulis & Penulis: Faizal Odd
Foto oleh: Muhammad Firdaus Nangoi

Kembara
KEGEMILANGAN
KOLONIAL



Terletak di dalam kawasan tapak utama Unesco World Heritage, kediaman agam ini rupanya sudah melalui tiga peringkat era sepanjang hayatnya sebelum diubah suai. Terdapat beberapa komponen bangunan yang menyempurnakan hotel ini secara keseluruhannya. Apa yang lebih menarik adalah setiap kamar di antaranya dibina pada era yang berbeza. Unit kamar Anglo Indian Banglo pada tahun 1891, Unit Straits Eclectic Building – awal 1900an, kamar komponen Indian Shop House dibina pada 1920an dan kamar 1920's Jackroof Annex.

Kesan perubahan dan penambahan bangunan yang memakan masa dalam lima era berbeza ini dapat kita lihat pada lapisan bahan binaan lama seperti *lime mortar*, plaster dan *lime wash* yang masih kuat sehingga kini. Malah, bahan ini jugalah dihasilkan kembali demi memastikan segala pembaik pulih dan penambahan tidak tersasar jauh daripada binaan asal. Semua pihak yang mengambil bahagian untuk projek ini, cukup berhati-hati dalam mengganti, menambah dan membaik pulih segala macam bahan binaan agar keaslian binaan lama ini terjaga serta nampak sebagaimana ia mula-mula dibina.

Usaha memelihara bangunan ini daripada terus dimamah waktu sememangnya telah mendapat pengiktirafan Anugerah Emas kategori Pemuliharaan 2013 oleh Persatuan Arkitek Malaysia (PAM). Usaha murni ini juga telah membuka mata ramai pihak terutama mereka yang mahu mengalami landskap Pulau Pinang di zaman pemerintahan Inggeris dahulu. Di samping itu, penekanan juga ditumpukan pada penyelenggraannya kerana bangunan yang lama dan agak uzur ini banyak memerlukan pembaik pulih dan strukturnya juga perlu diawasi agar utuh dan kekal tahan. Di samping itu, kesinambungan terhadap beberapa unit bangunan ini dinaik taraf dengan tata hias Kontemporari namun masih dalam 'perisa' Vintaj.

Melangkah masuk ke halamannya menuju ke ruang legar utama, setiap langkah bagi membawa kembali ke masa silam. Suasana yang berhasil di dalam ruang ini juga memberi kita sesuatu yang sangat istimewa. Ruang dihias bagaikan ada satu titik pertembungan baru dan lama. Lukisan kontemporari dijadikan latar kepada elemen semasa di samping perabot vintaj yang juga kebetulan menjadi aliran masa kini. Malah, jubin lama yang sungguh cantik coraknya turut sama mengiringi langkah anda ke kamar. Bersebelahan ruang lobi ini, anda dapat melihat sebuah kamar kecil untuk kaki tangan hotel dan kaunter pendaftaran.

Berdekatkan dengan ruang lobi yang memanjang ke anjung luar, terdapat sebuah pantri kecil untuk menghidangkan minuman dan kuih-muih kepada pengunjung yang mahu mengambil angin petang di taman atau perkarangan hotel. Ia bagaikan mengembalikan budaya atau tradisi minum petang dizaman kolonial dahulu. Apatah lagi menjelang petang, kawasan ini agak teduh dan dihias dengan bunga-bungaan segar lagi harum yang memayungi bahagian tangga untuk ke tingkat atas. Meja makan dan tempat duduk yang menghiasi laluan antara bangunan utama ke bahagian kamar sudah cukup membuat kita terbelai jiwanya.







Impresif. 23LoveLane, Pulau Pinang juga merupakan pemenang Anugerah Kecermelangan Trip Advisor bagi tiga tahun berturut-turut pada 2013, 2014 dan 2015. Bukan itu sahaja, mereka juga pernah merangkul Anugerah "Best of Malaysia" kategori Hotel Butik daripada majalah Expatriate Lifestyle.

awasan ini selalunya diteduhkan dengan bayang-bayang daripada bangunan sendiri. Rona biru lembut umpama balada membelai jiwa dari masa lalu dan membuat perasaan terutama mereka yang berjiwa sentimental. Dari meja tan kecil di kawasan ini dapat kita lihat kamar duplex The Indian Shophouse, sebuah kediaman khas untuk famili yang dahulunya merupakan rumah kedai bagi peniaga India di Georgetown. Dua kamar di sebelah kiri pula merupakan bahagian daripada Annex Jackroof. Bahkan dipercayai bahagian belakang ini dahulunya kandang kuda kerana berdasarkan artifak yang dijumpai, dapat banyak ladang kuda dijumpai di sini. Anda boleh melihat sendiri seberapa artifak yang dipamerkan di ruang lobi ini sebagai tatapan bersama.

KAMAR BAGAI MENJELING MANJA


Untuk mengunjungi perlu menaiki anak tangga yang dihias dengan bunga-bungaan rumput untuk ke tingkat atas. Uniknya dua bangunan utama dan bangunan jang di belakang tidak mempunyai aras yang sama. Jadi, anda akan meniti anak tangga ke unit kamar di bangunan belakang yang dihias dengan cukup raya. Manakala dua lagi di bahagian hadapan yang mengadap pagar utama.

Sejauh anda yang menggilai filem lama sudah pasti cukup teruja dengan tata susunan apatah lagi seni bina lama yang cukup gah dipanggil kediaman agam. Kisah-kisah seperti Ibu Mertuaku, Madu Tiga, Panggilan Pulau dan Antara Dua Darjah, masih terbayang di mata. Begini hebat impak seni bina dahulu kepada jiwa kita. Seni berwarna-warni termasuk pelukis terkenal negara seperti Muhammad



Fauzul Yusri, Chow Chin Chuan dan Noor Mahnun Mohamed diabadikan di sekitar kamar. Perabot lama dipelihara dan disuntik dengan penataan gaya hias sezaman.

Keindahannya cukup luar biasa ibarat si gadis bergaun malam umpama Marilyn Monroe. Jendela yang luas, selak besi yang besar teguh, lantai papan indah dan rona vintaj pada dinding, umpama bercerita kepada kita bagaimana hebatnya tata hias lama dengan gaya yang tersendiri. Siling yang tinggi dengan saiz kamar yang begitu luas juga memberi keselesaan maksima kepada yang menginap.





Apa yang lebih menyentuh hati adalah tata hias tandasnya juga begitu indah sebagaimana masa lalu. Kelengkapan lama seperti bakul sampah, bekas mudah dan sebagainya dijadikan hiasan. Manakala jubin rona Vintaj juga disuai padan. Setiap kamar mempunyai cerita tersendiri dan sedikit berbeza daripada yang lain kerana reka bentuk kamar yang berbeza serta karya lukisan yang tiada duanya.

Bagi mereka yang mahukan suasana taman yang hening dan disulam dengan bau-bauan harum, kamar yang cukup selesa iaitu The Anglo Indian Banglo Grand sememangnya sesuai untuk anda. Terletak di bahagian hadapan dan mengadap taman yang cukup permai. Di sebelahnya pula adalah kamar Petite yang boleh dijadikan kamar berkembar ataupun *single*.

Terdapat sebuah kamar yang lebih besar di tingkat

bawah; lengkap dengan bahagian hadapan yang agak tersorok dan privasi. Dipanggil The Garden Room, ia sesuai bagi mereka yang berbulan madu. Manakala, kamar Straits Eclectic terletak di bahagian belakang dengan empat buah kamar yang bersiling tinggi. Jadi anda boleh merasai sendiri perbezaan era dan masa pembinaan komponen bangunan hotel ini.

Di bahagian unit bangunan belakang yang digelar Jack-roof Annex, terdapat dua lagi kamar bersiling tinggi yang berbeza sedikit seni hiasnya. Gaya Tudor pada bahagian hadapan dan siling bersilang untuk tujuan kitaran udara cukup selesa dan hebat mendapat sentuhan ubah suai. Kediaman yang selalunya dijadikan tempat tinggal para pekerja tuan besar atau tuan ladang diolah menjadi kamar yang tidak





kurang hebatnya. Saiz yang sedikit kecil daripada kamar utama tetapi tidak kurang selesanya dengan yang lain. Malah, halaman indah di hadapan pintu utama umpama membawa kita ke zaman lain.

Usah risau jika anda datang bersama keluarga atau rakan-rakan yang agak ramai. Unit duplex The Indian Shophouse ada disediakan. Ia pernah menjadi deretan kedai India dan diubah suai khas untuk keluarga. Unit yang agak terasing dan berdekatan dengan Steakfrites@23 sememangnya cukup sesuai dengan ragam keluarga yang bercuti. Terletak di tengah-tengah halaman hotel, ia sememangnya terasing daripada yang lain agar pengunjung dapat merasakan keistimewaan dan tidak diganggu tetamu yang lain.

Sesungguhnya, berkunjung ke 23LoveLane merupakan satu pengalaman yang sangat berbeza. Kamar yang istimewa dengan bilangan yang terhad juga mengeratkan sesama tetamu. Bertegur sapa saat menikmati minum petang di taman. Bagi yang mahu lari daripada percutian biasa, jemputlah ke mari kerana yang menanti anda umpama sebuah bingkisan dari masa lalu. Sesuatu yang tidak pernah anda alami sebelum ini. ☺

